

Polisi Sistem Aplikasi TanyaDoktor UniSZA



OBJEKTIF

Polisi ini mengemukakan peraturan bagi mengawal penggunaan aplikasi TanyaDoktor yang dibekalkan oleh UniSZA bagi memastikan perkhidmatan konsultasi yang efisien serta mengelakkan daripada penyalahgunaan. Polisi ini adalah disediakan dan dipantau pelaksanaannya oleh Jawatankuasa Aplikasi TanyaDoktor.

TUJUAN

Polisi ini bertujuan menyediakan garis panduan dari segi pengoperasian dan etika perkhidmatan yang berkualiti, konsisten, mudah dan kos efektif dalam penggunaan aplikasi TanyaDoktor.

KATEGORI PENGGUNA

1. Doktor

- Waktu untuk konsultasi di antara doktor dan pesakit adalah sepanjang waktu bertugas sahaja.
- Konsultasi akan diberikan kepada pesakit yang berdaftar di dalam aplikasi ini sahaja.
- Doktor akan memberi konsultasi melalui mesej, panggilan telefon atau panggilan video. Namun begitu, hanya doktor yang berhak memulakan panggilan telefon atau panggilan video kepada patient jika perlu.
- Doktor yang bertugas perlu mengaktifkan WhatsApp Business sepanjang tempoh bertugas.
- Doktor akan diberikan notifikasi peringatan melalui SMS untuk bertugas.
- Doktor perlu mematuhi kod dan etika Malaysia Medical Council (MMC).
- Doktor boleh merujuk secara personal (manual) kepada doktor lain jika perlu.
- Doktor tidak berhak untuk menolak pesakit yang telah diagihkan oleh sistem kepadanya.

- Doktor perlu memastikan pesakit yang menghubunginya mempunyai tiket pendaftaran yang masih aktif daripada sistem sebelum memulakan konsultasi.
- Doktor tidak boleh memadam perbualan dengan pesakit bagi tujuan simpanan rekod dan piawaian kualiti.
- Doktor perlu membuat laporan perubatan ke dalam sistem untuk setiap pesakit yang telah selesai diberikan konsultasi.
- Doktor tidak dibenarkan untuk membuat konsultasi di luar waktu bertugas. Sekiranya berlaku sebarang konsultasi di luar waktu bertugas, ia adalah merupakan tanggungjawab doktor tersebut.
- Semua doktor yang terlibat adalah doktor pakar yang mendaftar dengan MMC dan mempunyai no sijil amalan tahunan (APC).

2. Pesakit

- Pesakit dikehendaki mendaftar melalui sistem aplikasi TanyaDoktor terlebih dahulu sebelum dibenarkan memulakan sesi konsultasi bersama doktor pakar UniSZA.
- Pesakit hendaklah mengemukakan maklumat yang benar dan tepat sahaja.
- Pesakit hanya boleh memulakan konsultasi dengan doktor melalui MESEJ SAHAJA dan tidak dibenarkan untuk membuat panggilan telefon atau panggilan video tanpa kebenaran doktor.
- Pesakit tidak dibenarkan menghubungi doktor setelah sesi konsultasi tamat.
- Sistem ini dibangunkan untuk kes-kes yang tidak kritikal sahaja. Bagi kes kritikal, separa kritikal atau kecemasan, sila ke fasiliti kesihatan yang berdekatan.
- Sistem ini tidak boleh menggantikan konsultasi doktor yang konvensional (face to face consultation).
- Nasihat yang diberikan oleh doktor bertugas hanyalah berdasarkan simptom-simptom yang diberikan oleh pesakit. Untuk pemeriksaan yang lebih terperinci, sila dapatkan konsultasi di fasiliti kesihatan berdekatan.

HAKMILIK

Semua sumber peralatan, perkakasan, perisian dan pemasangan sistem aplikasi TanyaDoktor yang dibekalkan adalah menjadi hak milik UniSZA.

Dikeluarkan pada 15 April 2020